

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH

TARIKH : 10 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 33

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha meningkatkan jaringan pengangkutan dan meningkatkan kawasan berdaya huni di Terengganu melalui pembangunan industri pengangkutan air (teksi air).

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini belum ada kajian menyeluruh yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan bertujuan untuk mengkaji secara lebih terperinci terhadap keberkesanan sosioekonomi dalam usaha meningkatkan jaringan pengangkutan dan meningkatkan kawasan berdaya huni di Terengganu melalui pembangunan industri pengangkutan air (teksi air).

Sekian, terima kasih.